

Pendidikan Akhlak Dalam Islam

Tujuan Islam ialah untuk mendirikan satu masyarakat yang baik berasaskan akhlak yang mulia.

Akhlak Islam yang mulia itu berasaskan empat perkara :

Asas yang pertama – memerangi perbuatan-perbuatan membolot dan mementingkan diri. Sifat-sifat suka membolot dan mementingkan diri yang terkeji itu tumbuh dan berkembang dalam pangkuan nafsu syahwat dan tingkah laku yang terpesong.

Sebenarnya Islam tidak menghilangkan peribadi perseorangan tetapi memperkembangkannya. Bukan pula supaya peribadi perseorangan itu menjadi alat yang meruntuhkan masyarakat tetapi sebaliknya untuk membina dan menguatkan masyarakat.

Orang yang terpesong, yang dikuasai oleh hawa nafsunya, sudah tentu berlainan daripada orang yang membina.

Seseorang yang dikuasai oleh hawa nafsunya, akan menjadi seorang yang hanya mementingkan diri sendiri, yang menceroboh, yang sombong dan zalim. Hasil perbuatannya hanya kerosakan dan kehancuran.

Orang yang beriman pula, kalau ia dapat menguasai hawa nafsunya, maka dapatlah ia mengikat tali persaudaraan dan menimbulkan rasa persefahaman dengan orang lain.

Tentang ini, Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* telah pun memberi penjelasan, bahawa orang-orang yang berakhlak mulia itu peramah orangnya, dan mudah berhubung dan bersefahaman dengan orang lain. Kerana mereka kuat menguasai hawa nafsu, dapatlah mereka mengenal dan mengakui hak orang lain, dan memberikan hak itu kepada tuannya sebagaimana hak mereka yang dipertahankan oleh mereka sendiri. Bahkan mereka memotong sebahagian daripada hak mereka sendiri untuk diberikan kepada orang lain yang lemah dan memerlukan bantuan.

Kerana inilah Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda:

“*Lā yu’minu aḥadukum ḥattā yuḥibba li akhīhi mā yuḥibbu*

li nafsih.”

“Tiada beriman seseorang kamu hingga ia mencintai untuk saudaranya barang yang ia cintai untuk dirinya sendiri.”

Sifat orang yang beriman yang terpuji itu telah diterangkan di dalam al-Qur’ān:

“*Wa yu’thirūna ‘alā anfusihim wa law kāna bihim khaṣāṣah.*”

“Dan mereka utamakan (rakan-rakan mereka) atas diri mereka sendiri walaupun mereka dalam keadaan picik (kesusahan).”

Semenjak hawa nafsu dan syahwat bermaharajalela dalam masyarakat, dan perbuatan-perbuatan yang terpesong merebak dilakukan berterang-terang, mulailah akhlak yang terpuji itu terjerumus ke dalam gaung keruntuhan. Tidak ada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Allah: Bilakah keruntuhan dan kejatuhannya itu terhenti!

Sekarang ini hampir-hampir kita tiada melihat akan segala apa jua yang dilakukan berterang-terang selain daripada perkara-perkara yang menggerakkan nafsu kehaiwanan, yang mendorong dan memesongkannya.

Dalam lapangan seni suara – kita mendengar nyanyian yang tidak enak didengar, yang mendorong kepada nafsu syahwat yang meluap-luap, dengan kata-kata yang tidak bertabik kecuali lagi.

Dalam filem-filem, kita lihat godaan itu lebih hebat lagi.

Cuba pula hitung kata-kata yang menimbulkan nafsu syahwat yang dipancarkan dalam siaran-siaran radio, kemudian bandingkan jumlahnya dengan kata-kata – dalam siaran itu – yang mengandungi pendidikan akhlak atau mengandungi sesuatu yang mengarah kepada kebaikan. Sudah tentu akan dapati



Badan pelajar 1962, Madrasah al-Nahdhah al-Hasanah, Batu 21 Kodiang Jitra, Kedah, bergambar untuk kenangan.

(Duduk dari kiri): Yaakub Badruddin (Setiausaha Sukan), Nayan Maaruf (S. Taman Bacaan), Zakaria Arsyad (Bendahari), Abdul Majid Abdullah (S. Syarahan dan Bahasan), Osman Bakar (Ketua Umum), Saad Awang (Setiausaha Umum), Ismail Yahya (P. Setiausaha), Yahya Idris (S. Didikan dan Muzakarah), Haji Daud Hassan (S. Ibadat), Abdullah Muhammad Isa (S. Kebersihan dan Tanaman). Kiriman Ahmad bin Osman, Ikhwan 3115.

sedikit sangat yang baik dari yang buruk, Bahkan yang baik itu ditenggelamkan oleh yang buruk.

Kesimpulannya, Islam mengajak kita supaya menguasai hawa nafsu kita, sedang keadaan yang berlaku di sekeliling kita mengajak kita melepaskan hawa nafsu kita dengan sebebaskan-bebasnya.

Hal ini seyogianya disedari. Rasa kesedaran yang seperti ini telah dibayangkan oleh al-Qur'an:

"Inna fī dhālika ladhikrā li man kāna lahū qalbun aw alqā al-sam'a, wa huwa shahīd".

"Sesungguhnya dalam yang demikian itu terkandung peringatan bagi orang yang mempunyai fikiran atau menggunakan pendengaran sedang ia menyaksikan."

Asas yang kedua – memerangi kerosakan dan segala maksiat, dan berusaha memperbaikinya. Kerana manusialah yang telah dipilih oleh Allah 'Azza wa Jalla menjadi khalifah di bumi kita ini, dengan memudahkan dan menyediakan bumi dengan segala isinya untuknya, termasuk segala alam yang mengelilinginya, supaya menggunakan segala kandungannya untuk kepentingan hidupnya dan kepentingan masyarakat manusia umumnya.

Oleh sebab itu, akhlak Islam yang tinggi dan mulia sentiasa mengarahkan kepada faedah manusia umumnya. Di dalam hadith pernah disebutkan: Sebaik-baik manusia ialah yang lebih berguna dan mendatangkan faedah kepada manusia.

Kalau orang-orang yang ahli dalam soal akhlak, semenjak dahulukala, telah menetapkan bahawa ukuran yang

tepat sekali bagi kebaikan dan kejahatan ialah terletak pada jumlah faedah yang didapati dalam kerja-kerja yang dilakukan, maka demikianlah pula Islam.

Menurut Islam, mana yang berfaedah dengan bersihnya, maka itu ialah kebaikan yang dituntut, demikian juga yang lebih besar faedahnya, bolehlah ia meneruskan perbuatannya berfaedah atau mengandungi bahaya lebih besar daripada faedahnya, maka itu adalah dilarang. Demikian juga mana-mana yang sama banyak bahaya dan faedahnya, dibiarkan untuk dipilih kalau keadaan menghendakinya.

Alim ulama ahli fikah, telah menentukan perkara-perkara yang mengandungi faedah (*al-maṣāliḥ*), lalu dibahagikan kepada lima perkara : 1. Mengawal diri, 2. Mengawal agama, 3. Mengawal zuriat, 4. Mengawal akal, 5. Mengawal harta benda.

Jelasnya, orang Mukmin berkewajipan sentiasa memerhati setakat mana bahaya yang terkandung dalam perbuatannya terhadap orang ramai dan dirinya sendiri. Kalau lebih besar faedahnya, bolehlah ia meneruskan perbuatannya yang berfaedah itu kepada orang ramai. Jika tidak, hendaklah ia memberhentikan perbuatannya supaya jangan membahayakan dirinya atau membahayakan orang lain. Di atas dasar inilah akhlak Islam itu dibina dan didirikan.

Asas yang ketiga – malu. Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* telah mengisifatkan “malu” itu daripada akhlak Islam, sabdanya;

“*Li kulli dīnin khuluq, wa khuluqu al-Islāmi al-ḥayā*”.

“Tiap-tiap agama mempunyai akhlaknya, dan akhlak Islam ialah malu.”

Sabdanya lagi;

“*Al-ḥayā ‘u khayrun kulluh.*”

“Malu itu baik seluruhnya.”

Sebabnya, kerana sifat malunya itu menjadi belenggu jiwa dalam kemasyarakatan, yang mencegah manusia daripada berlaku selepas bebas, dan keluar dari adat masyarakatnya dan peraturan-peraturan yang baik, yang menjadi pengikat diri, yang mengikatnya dengan orang-orang perseorangan.

Perbezaannya di antara orang yang bermalu dengan orang yang tidak bermalu ialah bahawa orang yang dikurniakan Allah kepadanya sifat malu, tiada akan melakukan sesuatu yang

dibenci, dan ia pula mengambil berat tentang hak orang lain, serta menghormati adat sopan yang am. Tetapi orang yang telah dihampakan oleh Allah *‘Azza wa Jalla* daripada sifat kemanusiaan yang tinggi itu, ia akan terus-menerus melakukan sesuatu dengan bebasnya, tidak terikat dengan sesuatu adat peraturan yang baik, atau sesuatu hak bagi orang lain, bahkan tidak terikat langsung dengan sebarang peraturan masyarakat yang mengikatnya dalam hubungannya dengan orang ramai. Ia kelihatan lepas bebas seperti kuda liar. Siapa-siapa yang bercampur gaul dengannya akan terkena kejahatannya. Ia tidak menghormati orang lain dalam tutur katanya dan perbuatannya.

Tentang ini, Rasullullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda;

“*Inna mimmā tawārithahu al-nāsu min kalāmi al-nubuwwati al-‘ulā: Idhā lam tastaḥi fa isna ‘ mā shi ‘ta.*”

“Sesungguhnya di antara yang telah diwarisi oleh orang ramai dari kata kenabian yang terdahulu ialah: Apabila engkau tiada bermalu, maka buatlah apa yang engkau suka.”

Tiap-tiap umat, ikatan hubungannya, terdiri di atas adat dan peraturan. Apabila simpulan-simpulan ikatan itu terburai, pecah dan runtuhlah umat itu. Kalau ada dalam masyarakatnya sesuatu adat yang tiada elok, dan tidak sesuai dikekalkan, bolehlah diubah dengan tidak terburu-buru dalam menjalankan perubahan-perubahan itu, bahkan hendaklah dilakukan dengan perlahan-lahan. Kalau pemberontakan-pemberontakan itu terpuji dalam lapangan politik dan perlembagaan, tetapi ia tidaklah baik dalam lapangan adat, kerana pemberontakan terhadap adat dengan tidak ada maslahat yang menghendaki: ialah keruntuhan dalam binaan umat.

Oleh sebab itu, jelaslah bahawa sifat malu itu ialah sebesar-besar dan semulia-mulia sifat dalam binaan masyarakat, kerana orang yang bermalu itu tidak memberontak terhadap adat yang baik dan sempurna, bahkan ia menghormatinya.

Asas yang keempat – kerjasama kemasyarakatan, dan ini akan dihuraikan kelak dalam sebuah makalah yang lain.

(Dari buah kalam *al-Shaykh* Muhammad Abu Zahrah, Mesir)